

Sekretariat SMJ, UMS tandatangan MoU perkukuh kerjasama

UB 30.06.2024 P.02

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ) serta Pusat Penyelidikan Ekonomi Biru dan Maritim, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di sini.

UMS diwakili Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor, manakala Sekretariat SMJ

diwakili oleh Ketua Pegawai Penyelarasnya, Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai.

Majlis MoU ini turut disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Safar Untong.

Kasim berkata, MoU ini bertujuan memperkukuh kerjasama institusi dalam bidang ekonomi biru dan maritim sekali gus meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) di

negeri ini.

“MoU ini juga akan memastikan pemindahan ilmu dan teknologi terkini dapat dipraktikkan selain menggalakkan penyediaan data berkualiti untuk pembuatan dasar.

“Selain itu juga, MoU ini akan menyokong agenda pembangunan negeri Sabah, serta menarik pelaburan dalam bidang ini,” katanya dalam kenyataan media di sini.